



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 OGOS 2020 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

16 OGOS 2020 (AHAD)

Tesco lancar kempen Beli Barangan Malaysia

Kuala Lumpur: Dalam usaha memperkasakan produk dan jenama buatan tempatan, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco) mengambil inisiatif menyertai Kempen Beli Barangan Malaysia di premis perniagaannya.

Ketua Pegawai Operasi Tesco, Sushmita Paul, berkata pelaksanaan kempen berkenaan pada tahun ini amat signifikan berikutan pandemik COVID-19.

Justeru, katanya, Tesco nekad dan komited untuk merancakkan semula ekonomi negara, terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang sedang bergelut dengan impak COVID-19.

"Tesco sudah lama menjadi penyokong produk dan pembekal tempatan. Sokongan ini dibuktikan dengan penyertaan berterusan kami dalam Kempen Beli Barangan Malaysia yang berlangsung selama bertahun-tahun.

"Ia merangkumi lebih 600 pembekal tempatan yang membekalkan ribuan produk ke rangkaian 62 cawangan kami di seluruh negara.

"Sebanyak 84 peratus penjualan yang dihasilkan untuk barangan berjenama Tesco pada tahun kewangan berakhir 2019 kami membabitkan produk buatan tempatan.

"Ini menunjukkan, ada permintaan dan kepercayaan terhadap produk buatan tempatan yang se-

taraf bahkan lebih baik berbanding jenama antarabangsa," katanya kepada media pada pelancaran Program Jualan Malaysia dan Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Negeri Selangor 2020, di sini, semalam.

Majlis itu turut menyaksikan kemasukan tiga produk baharu PKS ke seluruh cawangan Tesco selain mengiktiraf 15 jenama PKS yang cemerlang di Tesco.

Sushmita berkata, ketiga-tiga produk baharu PKS itu sebahagian daripada Kempen Beli Barangan Malaysia yang melalui beberapa peringkat penilaian dan membuktikan mereka setanding dari segi kualiti untuk bersaing dengan jenama terkenal.

Katanya, sejajar dengan pemerkasaan keusahawanan, Tesco turut mengadakan Bazar Bangkit Bersama untuk meraikan organisasi yang bertungkus-lumus membantu golongan yang kurang bernasib baik.

"Bazar Bangkit Bersama ini adalah sebahagian daripada jangkauan komuniti Tesco menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR).

"Ia bermula di Tesco Extra Mutiara Damansara pada 15 dan 16 Ogos, diikuti Tesco Bukit Mertajam pada 22 dan 23 Ogos depan. Seterusnya, di Tesco Bukit Indah pada 28 dan 29 Ogos 2020," katanya.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi bersama Sushmita (tengah) meninjau produk buatan Malaysia pada majlis pelancaran Program jualan Malaysia dan Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Negeri Selangor 2020, di Tesco Extra Mutiara Damansara. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Tesco tekad dan komited untuk rancakkan semula ekonomi negara, terutama PKS yang bergelut dengan impak COVID-19.

Sushmita Paul,
Ketua Pegawai Operasi Tesco



Tiada alasan peniaga naik harga pelitup muka



Alexander Nanta Linggi (dua dari kiri) bersama sebahagian pembekal perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada pelancaran KJM dan KBBM Peringkat Selangor 2020 di Tesco Mutiara Damansara semalam.

PETALING JAYA - Keputusan kerajaan menurunkan harga siling bagi pelitup muka pada kadar RM1 seunit daripada RM1.20 bukan dibuat secara mengejut, sebaliknya pengumuman mengenainya dibuat sejak lebih dua minggu lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi ketika menegaskan perkara itu berkata, tiada alasan untuk peniaga menjual pelitup muka dengan harga lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan.

Menurutnya, kerajaan melaksanakan penetapan kadar harga tersebut secara berhati-hati dengan mengambil kira kepentingan semua pihak termasuk pengguna dan pemain industri.

“Saya harap tiada masalah yang timbul, sebabnya kita umum penur-

runan harga sejak lebih dua minggu lalu dan ini (penurunan harga) bukannya dibuat secara mengejut,” katanya selepas pelancaran Kempen Jualan Malaysia (KJM) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Peringkat Selangor 2020 di Tesco Mutiara Damansara di sini semalam.

Berkuat kuasa semalam, harga baharu bagi pelitup muka ditetapkan sebanyak RM1, manakala harga borong alatan itu yang sebelum ini RM1.45 seunit juga diturunkan kepada 95 sen.

Sementara itu, merujuk kepada program berkenaan, beliau berkata, kempen tersebut mampu memperkuatkan semula perbelanjaan domestik dengan menggalakkan pengguna membeli barangan keluaran tempatan sejajar dengan usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara. - *Bernama*



Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	5.99
• Daging Lembu Tempatan	34
• Daging Lembu Import	20
• Telur Gred A (30 biji)	10.58
• Ikan Kembung	6.99
• Minyak Masak	5.30
• Gula Pasir	2.75
• Bawang Besar Holland	1.90
• Bawang Putih	3.20
• Cili Merah	6.90
• Kubis Bulat Tempatan	1.69
• Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP